

**Kertas Statut 102 Tahun 1980
MALAYSIA**

**AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980
(Akta 237)**

Menurut seksyen 5 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, Yang di-Pertuan Agong dengan ini mengarahkan supaya elaun-elaun dan keistimewaan-keistimewaan bagi **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat** adalah dinyatakan atas kadar-kadar dan syarat-syarat yang ditetapkan di bawah ini:

1. ELAUN KERAIAN

Elaun ini layak dibayar sebanyak RM5,000 sebulan.

1A. PEMBERIAN PELANTIKAN

Pemberian Pelantikan sebanyak RM7,500 layak dibayar bagi sekali pelantikan sahaja.

2. KEDIAMAN RASMI

(a) Disediakan rumah Kerajaan dengan penuh kelengkapan dan diselenggarakan percuma.

(b) Sekiranya rumah Kerajaan yang disediakan di bawah subperenggan (a) tidak didiami, Timbalan Yang di-Pertua layak dibayar elaun rumah sebanyak RM3,000 sebulan.

3. BEKALAN AIR DAN ELEKTRIK

Layak dibekalkan dengan percuma bekalan air dan elektrik bagi kediaman rasmi atau tempat kediaman.

3A. BEKALAN GAS MENGGUNAKAN METER DAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN

Layak dibekalkan dengan percuma bekalan gas menggunakan meter dan perkhidmatan pembetulan bagi kediaman rasmi atau tempat kediaman.

4. KEMUDAHAN TALIAN TELEFON DAN TALIAN INTERNET

(a) Bagi Kediaman rasmi/tempat kediaman

- (i)* Dibekalkan dengan 1 talian telefon, atau 1 talian internet, atau 1 talian telefon yang berserta talian internet secara pakej.
- (ii)* Caj pemasangan untuk perkara dalam subsubperenggan *(i)* ditanggung oleh Kerajaan.
- (iii)* Caj bulanan bagi talian telefon dan talian internet dalam subsubperenggan *(i)* ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan. Caj bulanan ertinya caj panggilan suara, caj penggunaan data, caj SMS, MMS dan apa-apa caj perkhidmatan lain yang berkaitan dengan talian telefon dan talian internet itu yang dikenakan oleh syarikat telekomunikasi. Apa-apa caj atau cukai perkhidmatan yang dikenakan berkenaan talian telefon dan talian internet dalam subsubperenggan *(i)* turut ditanggung oleh Kerajaan sebagai tambahan kepada kemudahan maksimum dengan syarat bahawa caj atau cukai perkhidmatan tersebut dimasukkan ke dalam bil talian telefon dan talian internet itu.

(b) Bagi Pejabat di Kawasan Pilihanraya bagi Ahli Dewan Rakyat atau tempat kediaman asal bagi Ahli Dewan Negara

- (i)* Dibekalkan dengan 1 talian telefon, atau 1 talian internet, atau 1 talian telefon yang berserta talian internet secara pakej.
- (ii)* Caj pemasangan untuk perkara dalam subsubperenggan *(i)* ditanggung oleh Kerajaan.

- (iii) Caj bulanan bagi talian telefon dan talian internet dalam subsubperenggan (i) ditanggung oleh Kerajaan tertakluk kepada kadar maksimum sebanyak RM400 sahaja sebulan. Caj bulanan ertinya caj panggilan suara, caj penggunaan data, caj SMS, MMS dan apa-apa caj perkhidmatan lain yang berkait dengan talian telefon dan talian internet itu yang dikenakan oleh syarikat telekomunikasi. Apa-apa caj atau cukai perkhidmatan yang dikenakan berkenaan talian telefon dan talian internet dalam subsubperenggan (i) turut ditanggung oleh Kerajaan sebagai tambahan kepada kemudahan maksimum dengan syarat bahawa caj atau cukai perkhidmatan tersebut dimasukkan ke dalam bil talian telefon dan talian internet itu.

(c) *Telefon Bimbit*

- (i) Timbalan Yang di-Pertua layak dibekalkan dengan 1 telefon bimbit yang berharga tidak melebihi RM3,000 termasuk aksesori.
- (ii) Semua bayaran yang perlu berhubung dengan pembelian, pendaftaran, laluan, dsb. ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan.
- (iii) Telefon bimbit itu tidak boleh digantikan lebih awal daripada 3 tahun dari tarikh pembelian.
- (iv) Timbalan Yang di-Pertua bebas untuk mendaftar dengan mana-mana syarikat telefon/ telekomunikasi.
- (v) Timbalan Yang di-Pertua layak diberi semua kemudahan asas dan kemudahan berbayar yang lain yang disediakan oleh syarikat telefon/ telekomunikasi.
- (vi) Caj bagi panggilan daripada telefon bimbit yang dilakukan berkenaan dengan urusan rasmi ditanggung oleh Kerajaan, tertakluk kepada maksimum sebanyak RM750 sebulan.

5. ELAUN HIDUP HARIAN SEMASA BERTUGAS RASMI

- (a) Elaun ini dibayar atas kadar RM170 bagi tiap-tiap 24 jam atau sebahagian darinya, sekiranya tugas rasmi tersebut dilakukan di luar Kuala Lumpur iaitu di luar lingkungan 32 km (20 batu) dari pejabat tempat bekerja.

- (b) Sekiranya tugas rasmi tersebut dilakukan di luar Malaysia, elaun ini dibayar atas kadar RM350 bagi tiap-tiap 24 jam atau sebahagian darinya.

6. PERBELANJAAN MAKAN SEMASA BERTUGAS RASMI

- (a) Perbelanjaan makan yang sebenar disokong dengan resit bagi sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam layak dituntut semasa menjalankan tugas rasmi di luar Kuala Lumpur iaitu di luar lingkungan 32 km (20 batu) dari pejabat tempat bekerja.
- (b) Jika bertugas rasmi di luar Malaysia, Perbelanjaan Makan yang sebenar disokong dengan resit layak dituntut bagi sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam.

7. SEWA HOTEL/ELAUN LOJING SEMASA BERTUGAS RASMI

- (a) Bayaran Sewa Hotel semasa bertugas rasmi di luar Kuala Lumpur iaitu di luar lingkungan 32 km (20 batu) dari pejabat tempat bekerja dan memerlukan bermalam di luar tempat kediaman, adalah atas perbelanjaan sebenar termasuk bayaran perkhidmatan (service charge) dan cukai perkhidmatan yang terwajib berkaitan dengan sewa hotel itu dan hendaklah disokong dengan resit.
- (b) Bayaran Sewa Hotel semasa bertugas rasmi di luar Malaysia adalah sebanyak perbelanjaan sebenar dan hendaklah disokong dengan resit. Bayaran perkhidmatan (service charge), cukai dan lain-lain bayaran yang diwajibkan ke atas sewa bilik hotel bolehlah dikira sebagai sebahagian dari kadar bayaran sewa hotel itu.

7A. BAYARAN "TIPS" SEMASA BERTUGAS RASMI DI LUAR MALAYSIA

Bayaran bagi perbelanjaan "tips" semasa bertugas rasmi di luar Malaysia layak dituntut seperti yang berikut:

- (a) tidak melebihi RM350 sehari; atau
- (b) jika tinggal di rumah kediaman rasmi yang disediakan oleh negara yang menjadi tuan rumah, perbelanjaan "tips" yang sebenar dibayar.

8. BELANJA PELBAGAI

Belanja Pelbagai bagi perjalanan semasa menjalankan tugas rasmi layak dituntut seperti berikut:

- (i) tambang pengangkutan awam jika tidak menggunakan kereta rasmi;
- (ii) bayaran telefon dan telegram atas urusan rasmi;
- (iii) belanja dobi yang disokong dengan resit semasa menginap di hotel;
- (iv) bayaran cukai lapangan terbang yang disokong dengan resit;
- (v) bayaran "*excess baggage*" untuk barang-barang rasmi yang disokong dengan resit;
- (vi) bayaran tempat letak kereta dan bayaran tol yang disokong dengan resit;
- (vii) [Dipotong oleh Kertas Statut 177/2007 berkuat kuasa 01.01.2007]
- (viii) 3% daripada jumlah tuntutan perjalanan di luar Malaysia sebagai ganti rugi berkaitan penukaran matawang asing.
- (ix) Bayaran passport antarabangsa, visa atau apa-apa bayaran lain untuk tugas rasmi itu dan disokong dengan resit.

9. KELAYAKAN PERJALANAN

- (a) Bagi perjalanan rasmi yang termasuk lawatan ke negeri atau kawasan pilihan raya, dengan menaiki kapal terbang, Timbalan Yang di-Pertua dan juga isteri/suami yang sah (jika mendapat kebenaran) layak dibekalkan tiket kapal terbang kelas satu.
- (b) Timbalan Yang di-Pertua layak dibekalkan 2 Pas Kereta Api percuma bagi kelas satu termasuk tempat tidur bagi diri sendiri dan isteri/suami yang sah.
- (c) Bagi perjalanan yang menggunakan feri, keutamaan istimewa adalah diberi.

10. KERETA RASMI

- (a) Dibekalkan dengan sebuah kereta rasmi yang dilengkapi dengan radio dan pendingin udara. Kereta yang diperuntukkan ini tidak boleh diganti lebih awal daripada tempoh tiap-tiap 4 tahun.
- (b) Timbalan Yang di-Pertua diberi keistimewaan, sekali dalam perkhidmatannya dengan Kerajaan untuk membeli kereta yang pernah digunakannya sebagai kereta rasmi mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Kereta itu hanya boleh dibeli pada masa Timbalan Yang di-Pertua menamatkan perkhidmatannya.

10A. PENGGUNAAN KENDERAAN PERIBADI UNTUK TUGAS RASMI

Timbalan Yang di-Pertua yang menggunakan kenderaan peribadi semasa menjalankan tugas rasmi adalah dibenarkan menggunakan kemudahan bekalan petrol/bahan api yang disediakan oleh Kerajaan tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (i) Kemudahan bekalan petrol/bahan api yang dibekalkan oleh Kerajaan hanyalah untuk kenderaan peribadi yang didaftarkan atas nama Timbalan Yang di-Pertua sendiri;
- (ii) Kenderaan peribadi tersebut hendaklah didaftarkan dengan Parlimen Malaysia; dan
- (iii) Kemudahan bekalan petrol/bahan api yang dibekalkan oleh Kerajaan hanya digunakan untuk tujuan rasmi sahaja termasuk lawatan ke kawasan pilihan raya masing-masing.

11. PEMANDU KERETA

(a) *Elaun Pemandu Kereta*

Timbalan Yang di-Pertua layak dibayar Elaun Pemandu Kereta bulanan bersamaan dengan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan pemandu kereta Kerajaan bagi seorang pemandu kereta termasuk apa-apa faedah kewangan seperti yang dibayar atau diberikan kepada pemandu kereta Kerajaan.

(b) Elaun bagi membekalkan pakaian seragam

Jika tidak dibekalkan dengan pemandu kereta Parlimen, Timbalan Yang di-Pertua layak diberi peruntukan bagi tujuan membekalkan pemandu kereta dengan;

- (i) 3 pasang pakaian seragam baju/seluar;
- (ii) 2 pasang kasut

(c) Elaun Makan/Elaun Harian bagi pemandu kereta

Jika Timbalan Yang di-Pertua menggaji pemandu kereta sendiri bagi kereta rasmi itu dan menggunakan pemandu kereta itu bagi memandu kereta rasmi semasa menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya, Timbalan Yang di-Pertua layak menuntut Elaun Makan atau Elaun Harian bagi pemandu kereta itu bersamaan dengan Elaun Makan atau Elaun Harian bagi pemandu kereta Kerajaan mengikut terma-terma dan syarat-syarat seperti terdapat dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan atau apa-apa pindaan kepadanya.

(d) Elaun bagi Bayaran Sewa Hotel/Elaun Lojing bagi pemandu kereta

Jika Timbalan Yang di-Pertua menggaji pemandu kereta sendiri bagi kereta rasmi itu menggunakan pemandu kereta itu bagi memandu kereta rasmi semasa bermalam menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya, Timbalan Yang di-Pertua layak menuntut Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing bagi pemandu kereta Kerajaan mengikut terma-terma dan syarat-syarat seperti terdapat dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan atau apa-apa pindaan kepadanya.

(e) Elaun Caruman Syer Majikan kepada KWSP

Elaun Caruman Syer Majikan kepada KWSP bersamaan dengan caruman bulanan majikan yang telah dibayar oleh Timbalan Yang di-Pertua bagi faedah pemandu kereta rasminya layak dituntut kembali sebagai elaun bulanan.

(f) Elaun Saguhati Pemandu Kereta Rasmi

Elaun Saguhati Pemandu kereta rasmi layak dibayar kepada Timbalan Yang di-Pertua bagi faedah pemandu kereta rasminya atas syarat-syarat dan perkiraan seperti berikut :

- (i) pemandu kereta rasmi yang layak ialah yang akhir berkhidmat dengan Timbalan Yang di-Pertua pada tarikh tamat perkhidmatan atau kematian Timbalan Yang di-Pertua sewaktu dalam perkhidmatan;
- (ii) banyaknya Elaun Saguhati Pemandu Kereta Rasmi yang layak dibayar ialah bersamaan dengan 17 ½% daripada elaun bulanan pemandu kereta rasmi yang akhir dibayar kepada Timbalan Yang di-Pertua bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan yang tidak terputus oleh pemandu berkenaan;
- (iii) caruman syer majikan kepada KWSP serta faedah atasnya hendaklah ditolak daripada jumlah Elaun Saguhati Pemandu Kereta Rasmi itu sebelum bayaran dilakukan;
- (iv) Elaun ini adalah layak dibayar kepada Timbalan Yang di-Pertua selepas tamat perkhidmatannya atau terus kepada pemandu kereta rasmi berkenaan jika Timbalan Yang di-Pertua telah meninggal dunia semasa dalam perkhidmatannya.

12. ELAUN PAKAIAN PANAS

Timbalan Yang di-Pertua yang menjalankan tugas rasmi di luar Malaysia di negara beriklim sederhana adalah layak menuntut Elaun Pakaian Panas atas kadar RM3,000 sekali dalam tempoh 3 tahun, dengan syarat tuntutan tersebut dibuat sebelum menghadiri sesuatu tugas rasmi di luar Malaysia atau selewat-lewatnya tiga bulan selepas balik ke Malaysia.

13. ELAUN PAKAIAN RASMI ISTIADAT

Elaun Pakaian Rasmi Istiadat layak dibayar sebanyak RM3,500 sekali dalam tempoh 3 tahun.

13A. BANTUAN BAYARAN PAKAIAN *BLACK TIE*

Timbalan Yang di-Pertua layak dibayar Bantuan Bayaran Pakaian "*Black Tie*" sehingga had maksimum RM1,500 sekali dalam tempoh 3 tahun mengikut terma dan syarat-syarat Bantuan Bayaran Pakaian "*Black Tie*" Anggota Perkhidmatan Awam atau apa-apa pindaan terhadapnya.

13B. BAYARAN PAKAIAN MENGHADIRI UPACARA RASMI

Timbalan Yang di-Pertua layak dibayar Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi iaitu Pakaian Kebangsaan atau *Dark Lounge Suit* bagi lelaki atau pakaian yang bersesuaian bagi wanita sebanyak RM1,500 sekali dalam tempoh 3 tahun mengikut syarat-syarat Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi Anggota Perkhidmatan Awam atau apa-apa pindaan terhadapnya.

14. SURAT-MENYURAT

Layak menghantar surat atas urusan rasmi sebagai Ahli Parlimen secara percuma di dalam Malaysia menurut peraturan seperti ditetapkan oleh Jawatankuasa Dewan Parlimen.

15. WARTA KERAJAAN

Dibekalkan percuma di pejabat Kawasan Piliharaya bagi Ahli Dewan Rakyat atau tempat kediaman bagi Ahli Dewan Negara satu naskhah *Warta Kerajaan Persekutuan* bagi tiap-tiap keluaran semasa.

16. LENCANA KERETA

Sepasang lencana kereta percuma layak dibekalkan untuk digunakan menurut arahan Jawatankuasa Dewan Parlimen.

17. LESEN PERCUMA SENJATA API

Lesen percuma bagi 1 senjata api yang didaftarkan atas nama sendiri adalah dibekalkan.

18. LESEN PERCUMA KERETA MOTOR

1 lesen percuma kereta bermotor layak dibekalkan bagi sebuah kereta yang didaftarkan atas nama sendiri.

19. KAD AHLI PARLIMEN

1 Kad Ahli Parlimen percuma yang ditandatangani sendiri oleh Yang di-Pertua Dewan Negara atau Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang mana berkenaan, layak dibekal untuk digunakan menurut arahan Jawatankuasa Dewan Parlimen.

20. CUTI REHAT

Bagi setahun perkhidmatan, Timbalan Yang di-Pertua layak mendapat cuti rehat sebanyak 30 hari tidak termasuk hari-hari kelepasan mingguan atau hari cuti am. Dengan kebenaran Yang di-Pertua Dewan yang berkenaan, baki cuti rehat boleh dibawa ke tahun berikutnya dengan syarat jumlahnya bagi sesuatu tahun berkenaan menjadi tidak melebihi kelayakan cuti bagi 2 tahun.

21. KEMUDAHAN PERUBATAN

- (a) Diberi kemudahan rawatan dan perubatan secara percuma, dikecualikan daripada bayaran wad di hospital-hospital serta klinik-klinik berkeayaan mendapat tempat di dalam wad kelas satu bilik khas (jika ada kosong); melainkan di dalam kecemasan di mana Timbalan Yang di-Pertua itu terpaksa mendapatkan rawatan dan perubatan di sesuatu hospital atau klinik swasta (tetapi tidak termasuk rawatan pergigian), bayaran mengenainya serta bayaran wad akan dibayar balik oleh Kerajaan.
- (b) Ketika berada di luar Malaysia semasa menjalankan tugas rasmi, Kerajaan akan membayar balik sepenuhnya bayaran rawatan dan perubatan termasuk bayaran wad di hospital tetapi tidak termasuk rawatan pergigian.
- (c) Timbalan Yang di-Pertua yang memerlukan rawatan khas di luar Malaysia layak mendapat kemudahan atas syarat-syarat yang sama seperti dinikmati oleh pegawai Kerajaan.
- (d) Kemudahan perubatan ini dipanjangkan juga kepada keluarga Timbalan Yang di-Pertua. Bagi maksud ini keluarga bermakna –
 - (i) isteri/suami yang sah;
 - (ii) anak yang ditanggung sepenuhnya oleh Timbalan Yang di-Pertua dan berumur di bawah 21 tahun kecuali anak-anak yang daif disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani yang mana had umur ini tidak dipakai;
 - (iii) ibu-bapa yang sah, sebagaimana pemakaiannya mengikut Pekeliling Perkhidmatan yang berkaitan atau apa-apa pindaan kepadanya.

22. PINJAMAN KERETA

- (a) Timbalan Yang di-Pertua layak memohon pinjaman kereta sehingga maksimum RM160,000 untuk sekali dalam tempoh 4 tahun dengan dikenakan bayaran perkhidmatan 4% setahun yang dikira atas baki bulanan yang belum selesai.
- (b) Pinjaman dan bayaran perkhidmatan hendaklah dibayar balik dengan bayaran yang sama banyak jumlahnya pada tiap-tiap bulan dan masa tidak melebihi 72 bulan bagi sebuah kereta yang baru dan 60 bulan bagi kereta yang sudah dipakai atau sebelum tamat tempoh perkhidmatan sebagai Timbalan Yang di-Pertua.
- (c) Syarat-syarat dan peraturan-peraturan lain mengenai pinjaman kereta bagi Timbalan Yang di-Pertua adalah seperti ditetapkan oleh Jawatankuasa Dewan.

23. PINJAMAN PERUMAHAN

- (a) Timbalan Yang di-Pertua layak memohon pinjaman perumahan sehingga maksimum RM480,000 bagi maksud-maksud seperti berikut :
 - (i) membeli tanah dan rumah yang telah siap dibina;
 - (ii) membina rumah di atas tanah sendiri;
 - (iii) membeli tanah dan terus membina rumah;
 - (iv) menyelesaikan pinjaman wang perumahan atau baki pinjaman yang diambil dari bank atau punca-punca lain yang disahkan oleh Kerajaan;
 - (v) membeli tanah sahaja dengan syarat kadar pinjaman adalah separuh daripada kelayakannya. Baki pinjaman layak diberi apabila hendak mendirikan rumah atas tanah itu.
- (b) Pinjaman perumahan dikenakan bayaran perkhidmatan sebanyak 4% setahun yang dikira atas baki bulanan yang belum selesai.
- (c) Tempoh bayaran balik adalah seperti berikut :
 - (i) bagi jenis pinjaman tersebut di (a) (i), (ii), (iii) dan (iv), tempoh pembayaran balik adalah tidak melebihi 25 tahun;

- (ii) bagi membeli tanah sahaja, tempoh pembayaran balik adalah tidak melebihi 12 tahun.
- (d) Pinjaman perumahan adalah juga bagi memperbaiki rumah dan kelengkapan rumah yang dipasang tetap.
- (e) Syarat-syarat dan peraturan-peraturan mengenai pinjaman perumahan adalah seperti dalam Pekeliling LPPSA Bil. 1 Tahun 2016.

23A. BAYARAN PERPINDAHAN RUMAH

Layak menuntut Bayaran Perpindahan Rumah jika berpindah ke rumah yang dibeli melalui Skim Pinjaman Perumahan atau rumah yang sewanya dibayar oleh Kerajaan atau sebaliknya secara sekaligus sebanyak RM5,000.

24. PERBELANJAAN MENGENAI MEMEGANG/ MELEPASKAN JAWATAN

Apabila Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat mula memegang jawatan ataupun semasa melepaskan jawatan sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara atau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, perbelanjaan-perbelanjaan layak dituntut seperti berikut:

- (a) Tambang kapal terbang Kelas Satu dari tempat mastautinnya ke Kuala Lumpur (apabila mula memegang jawatan) dan dari Kuala Lumpur tempat mastautinnya (apabila melepaskan jawatan) bagi diri dan isteri/suami yang sah. Bagi anak-anak dan orang gaji yang diperlukannya layak menuntut tambang kapal terbang kelas ekonomi, atau perbelanjaan pengangkutan awam atas kadar sebenar.
- (b) Perbelanjaan pengangkutan dan bungkus membungkus termasuk upah buruh, bayaran stor, insurans dan apa-apa perbelanjaan lain yang perlu ditanggungnya untuk mengemas dan menjaga keselamatan barang-barangnya layak dituntut atas kadar sebenar.
- (c) Layak menuntut atas kadar sebenar tambang pengangkutan kerana membawa kenderaan kepunyaannya sendiri dari tempat mastautinnya ke Kuala Lumpur apabila mula dilantik atau dari Kuala Lumpur ke tempat mastautinnya apabila melepaskan jawatan.

- (d) Layak menuntut Perbelanjaan Makan dan Sewa Hotel atas kadar sebenar bagi dirinya, keluarga dan orang gajinya sebelum berlepas ke Kuala Lumpur dan sesudah sampai di Kuala Lumpur dan sebaliknya apabila melepaskan jawatan. Dengan syarat bagi tempoh menginap di hotel, Elaun Rumah tidak akan dibayar.

24A. PEMBERIAN TAMAT PERKHIDMATAN

Timbalan Yang di-Pertua layak dibayar Pemberian Tamat Perkhidmatan yang sama nilai dengan Pemberian Pelantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua. Sekiranya Timbalan Yang di-Pertua dilantik sebagai Yang di-Pertua, bayaran ini hanya layak dibayar semasa tamat perkhidmatannya sebagai Yang di-Pertua. Bayaran ini layak dibayar sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatan sebagai Timbalan Yang di-Pertua.

25. Arahan-arahan ini hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1980.

25A. ELAUN PEMBANTU RUMAH

Elaun ini layak dibayar sebanyak RM1,500 sebulan.

25B. ELAUN MENYELENGGARA RUMAH

Elaun ini layak dibayar sebanyak RM6,000 setahun.

25C. PINJAMAN KOMPUTER

Timbalan Yang di-Pertua layak diberi Pinjaman Komputer mengikut amaun, terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat dalam Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan mengenai Pinjaman Membeli Komputer bagi Anggota Perkhidmatan Awam.

25D. KEMUDAHAN CUTI

- (a) Timbalan Yang di-Pertua layak mendapat tambang untuk percutian pada kadar perjalanan pergi balik di antara Kuala Lumpur dan London sekali dalam tiap-tiap tahun, iaitu 2 tambang kapal terbang kelas satu bagi Timbalan Yang di-Pertua dan isteri/suami yang sah dan kelas ekonomi untuk 3 orang anak dalam tanggungan iaitu yang berumur kurang daripada 21 tahun, tanpa bukti resit.
- (b) Timbalan Yang di-Pertua boleh dibayar sebanyak RM1,500 sehari bagi bayaran penginapan, tanpa bukti resit bagi percutian di seberang laut. Jika menginap di rumah tetamu Kerajaan, elaun ini tidak layak dibayar.

- (c) Kemudahan ini hendaklah diberikan setelah perkhidmatan Timbalan Yang di-Pertua genap setahun.
- (d) Timbalan Yang di-Pertua yang tidak berpasangan layak membawa seorang pengiring dengan kebenaran Perdana Menteri.
- (e) Timbalan Yang di-Pertua layak untuk diberi gantian wang tunai bagi tambang percutian pada kadar perjalanan pergi balik di antara Kuala Lumpur dan London jika tidak menggunakan kemudahan cuti rehat.

25E. KEMUDAHAN MERAIKAN PELAWAT

Apabila meraikan pelawat, Timbalan Yang di-Pertua layak diberi kemudahan atas kadar-kadar dan syarat-syarat seperti yang berikut:

(a) Makan Tengah Hari

Tidak melebihi RM150 bagi seorang pelawat termasuk kos minuman.

(b) Makan Malam

Tidak melebihi RM170 bagi seorang pelawat termasuk kos minuman.

(c) Bayaran Perkhidmatan

Bayaran perkhidmatan dan cukai yang dikenakan, dan bayaran-bayaran lain yang dikenakan berhubung dengan subperenggan (a) dan (b) boleh dikira sebagai tambahan kepada kadar maksimum.

(d) “pelawat” ialah orang kenamaan atau rombongan rasmi dari luar atau dalam Malaysia yang dikehendaki untuk diraikan secara rasmi berhubung dengan urusan Kerajaan.

25F. Dimansuhkan.

**25G. PERBELANJAAN PERJALANAN ISTERI/SUAMI
KEPADA TIMBALAN YANG DI-PERTUA**

- (a) Isteri/suami yang sah kepada Timbalan Yang di-Pertua yang mengiringi mereka semasa membuat lawatan rasmi di dalam negeri dan ke luar negeri atau isteri/suami yang sah yang membuat lawatan rasmi secara bersendirian ke luar negeri atau di luar Kuala Lumpur iaitu di luar lingkungan 32 km (20 batu) dari kediaman rasmi, adalah layak menuntut perbelanjaan seperti yang berikut :
- (i) perbelanjaan tambang kapal terbang kelas satu;
 - (ii) perbelanjaan makan sebenar disokong dengan resit;
 - (iii) perbelanjaan sewa hotel sebenar yang disokong dengan resit, jika membuat lawatan rasmi secara bersendirian;
 - (iv) Elaun Hidup Harian atas kadar 50% daripada kelayakan Timbalan Yang di-Pertua dibayar sekiranya membuat lawatan rasmi secara bersendirian;
 - (v) belanja Pelbagai menurut kelayakan Timbalan Yang di-Pertua; dan
 - (vi) Elaun Pakaian Panas atas kadar 50% daripada kelayakan Timbalan Yang di-Pertua.
- (b) isteri/suami yang sah Timbalan Yang di-Pertua dibenarkan mengiringi Timbalan Yang di-Pertua bagi lawatan rasmi ke luar negeri dengan syarat seperti yang berikut:
- (i) bagi lawatan ke negara-negara ASEAN, tiada had tempoh lawatan; dan
 - (ii) bagi lawatan ke negara selain daripada negara-negara ASEAN, tempoh lawatan hendaklah melebihi 7 hari, termasuk hari perjalanan.
- (c) Persetujuan Jemaah Menteri perlu diperolehi terlebih dahulu bagi lawatan rasmi bersendirian ke luar negeri.
- (d) Di mana isteri/suami yang sah mengiringi Timbalan Yang di-Pertua, tuntutan perbelanjaan perjalanannya hendaklah dikemukakan oleh Timbalan Yang di-Pertua.

**25H. KEMUDAHAN ALAT TELEKOMUNIKASI SELAIN
DARIPADA TELEFON BIMBIT**

Timbalan Yang di-Pertua layak dibekalkan alat telekomunikasi selain daripada telefon bimbit dengan harga tidak melebihi RM3,500 seunit dan tidak boleh diganti lebih awal daripada tiga tahun.

**25I. KEMUDAHAN MENGIKUTI KURSUS DI DALAM DAN
LUAR NEGARA**

Timbalan Yang di-Pertua layak mengikuti kursus di dalam dan di luar Negara mengikut syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam “Garis Panduan Kemudahan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara Dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat Mengikuti Kursus Di Dalam dan Luar Negara” seperti di **Lampiran A**”.

- 26.** Peruntukan-peruntukan Arahan ini terpakai bagi Timbalan Yang di-Pertua yang dipilih atau dilantik sedemikian, mengikut mana-mana yang berkenaan, pada atau selepas 1 Januari 2001.

27. PERKHIDMATAN PEGAWAI PENGIRING

Timbalan Yang di-Pertua layak diperuntukkan perkhidmatan seorang pegawai pengiring beserta asset bagi maksud menjalankan tugasnya. Pegawai pengiring itu layak dibayar pada kadar dan syarat pegawai polis yang mengiringi pembesar berdasarkan pada Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang berkuatkuasa termasuk bayaran untuk perjalanan mengiringi pergi balik negeri atau kawasan pilihan raya.

**Kertas Statut 102 Tahun 1980
MALAYSIA**

**AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980
(Akta 237)**

PERENGGAN YANG DIPINDA

Perenggan	Kuasa Meminda	Berkuat kuasa dari
1	Kertas Statut 162 Tahun 2004	01.10.2004
1A	Kertas Statut 50 Tahun 2010	01.05.2010
2(a),(b)	Kertas Statut 147 Tahun 2002 Kertas Statut 50 Tahun 2010	01.07.2002 01.05.2010
2(b)	Kertas Statut 180 Tahun 2024	12.12.2024
3A	Kertas Statut 177 Tahun 2007	01.01.2007
4(a) (i),(ii),(iii)	Kertas Statut 180 Tahun 2024	12.12.2024
4(b) (i),(ii),(iii)	Kertas Statut 180 Tahun 2024	12.12.2024
4(b)(iii)	Kertas Statut 177 Tahun 2007	01.01.2007
4(c)	Kertas Statut 102 Tahun 2001	01.01.2001
4(c) (i),(iv)	Kertas Statut 50 Tahun 2010	01.05.2010
5(a)	Kertas Statut 173 Tahun 2003 Kertas Statut 177 Tahun 2007	01.10.2003 01.01.2007
5(b)	Kertas Statut 147 Tahun 2002 Kertas Statut 173 Tahun 2003 Kertas Statut 177 Tahun 2007	01.07.2002 01.10.2003 01.01.2007
7A	Kertas Statut 177 Tahun 2007	01.01.2007
8(ix)	Kertas Statut 180 Tahun 2024	12.12.2024
8(g)	Kertas Statut 177 Tahun 2007	01.01.2007
9 (a),(b)	Kertas Statut 180 Tahun 2024 Kertas Statut 145 Tahun 2025	04.12.2024 28.08.2025
10	Kertas Statut 102 Tahun 2001	01.01.2001

**Kertas Statut 102 Tahun 1980
MALAYSIA**

**AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980
(Akta 237)**

PERENGGAN YANG DIPINDA

Perenggan	Kuasa Meminda	Berkuat kuasa dari
10(a),(b)	Kertas Statut 50 Tahun 2010	01.05.2010
10(a)	Kertas Statut 180 Tahun 2024	04.12.2024
10A	Kertas Statut 50 Tahun 2010	01.05.2010
11(a)	Kertas Statut 102 Tahun 2001	01.01.2001
11(c),(d)	Kertas Statut 173 Tahun 2003	01.10.2003
12	Kertas Statut 50 Tahun 2010 Kertas Statut 145 Tahun 2025	01.05.2010 28.08.2025
13	Kertas Statut 50 Tahun 2010 Kertas Statut 180 Tahun 2024	01.05.2010 04.12.2024
13A, 13B	Kertas Statut 177 Tahun 2007	01.01.2007
21 (d)(i)	Kertas Statut 180 Tahun 2024	04.12.2024
21(d)(iii)	Kertas Statut 62 Tahun 2015	01.01.2015
22(a)	Kertas Statut 102 Tahun 2001 Kertas Statut 173 Tahun 2003 Kertas Statut 177 Tahun 2007	01.01.2001 01.10.2003 01.01.2007
22(b)	Kertas Statut 177 Tahun 2007	01.01.2007
23(a)	Kertas Statut 147 Tahun 2002 Kertas Statut 173 Tahun 2003 Kertas Statut 12 Tahun 2007	01.07.2002 01.10.2003 06.12.2006
23A, 24A	Kertas Statut 50 Tahun 2010	01.05.2010
24(a)	Kertas Statut 180 Tahun 2024	04.12.2024
25A	Kertas Statut 102 Tahun 2001 Kertas Statut 147 Tahun 2002 Kertas Statut 50 Tahun 2010	01.01.2001 01.07.2002 01.05.2010

Kertas Statut 102 Tahun 1980

MALAYSIA

**AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980
(Akta 237)**

PERENGGAN YANG DIPINDA

Perenggan	Kuasa Meminda	Berkuat kuasa dari
25B	Kertas Statut 102 Tahun 2001 Kertas Statut 50 Tahun 2010	01.01.2001 01.05.2010
25C	Kertas Statut 102 Tahun 2001	01.01.2001
25D	Kertas Statut 147 Tahun 2002	01.07.2002
25D(b)	Kertas Statut 147 Tahun 2002 Kertas Statut 50 Tahun 2010	01.07.2002 01.05.2010
25D(a),(d),(e)	Kertas Statut 180 Tahun 2024	04.12.2024
25E(a),(b)	Kertas Statut 147 Tahun 2002 Kertas Statut 173 Tahun 2003 Kertas Statut 177 Tahun 2007 Kertas Statut 145 Tahun 2025	01.07.2002 01.10.2003 01.01.2007 28.08.2025
25F, 25G, 25I	Kertas Statut 50 Tahun 2010	04.05.2010
25H	Kertas Statut 145 Tahun 2025	28.08.2025
25F	Kertas Statut 180 Tahun 2024	04.12.2024
25G (a),(b),(d)	Kertas Statut 180 Tahun 2024	04.12.2024
26	Kertas Statut 102 Tahun 2001	01.01.2001
27	Kertas Statut 145 Tahun 2025	28.08.2025

LAMPIRAN A

Kertas Statut 50 Tahun 2010

MALAYSIA

GARIS PANDUAN KEMUDAHAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA, YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT, TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA DAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA RAKYAT MENGIKUTI KURSUS DI DALAM DAN LUAR NEGARA

A. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan menyediakan panduan, syarat-syarat dan kemudahan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Yang di-Pertua) dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Timbalan Yang di-Pertua) bagi mengikuti kursus di dalam atau luar negara.

B. TAFSIRAN

2. Bagi maksud garis panduan ini :

- (i) **Kursus** bermaksud sebarang kursus atau latihan yang berupa akademik atau praktik, lawatan sambil belajar, seminar, bengkel, kajian atau penyelidikan yang bercorak latihan yang tempohnya tidak melebihi 3 minggu;
- (ii) **Latihan** bermaksud proses, pemindahan ilmu pengetahuan secara kemas dan berdisiplin, bertujuan menambah pengetahuan kemahiran untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa. Ini dicapai melalui sebarang bentuk pembelajaran seperti kursus dan latihan semasa bekerja atau yang seumpama dengannya yang menyumbang kepada pembangunan individu dan kecemerlangan organisasi;
- (iii) **Pembangunan Diri** merujuk kepada peningkatan kemahiran, kebolehan dan kerjaya yang dapat dicapai dengan mempraktikkan pengetahuan, pendedahan kepada pelbagai idea dan pengalaman serta melalui latihan dan *mentoring*;

- (iv) **Kompetensi** merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab. Prinsip asas kompetensi adalah bahawa prestasi Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua akan meningkat jika ia mempunyai kompetensi yang diperlukan bagi melaksanakan tugas atau tanggungjawab jawatan yang disandangnya;
- (vi) **Pembelajaran Berterusan** ialah proses mendapatkan ilmu pengetahuan sepanjang hayat yang melibatkan 3 elemen utama iaitu latihan, pembelajaran dan pembangunan diri.

C. OBJEKTIF LATIHAN BAGI YANG DI-PERTUA DEWAN DAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

- 3. Menyedari pentingnya usaha-usaha pembangunan modal insan, maka Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua perlu melengkapkan diri/dilengkapkan dengan sikap (*attitude*), kemahiran (*skill*) dan pengetahuan (*knowledge*) yang bersesuaian, melalui program pembangunan modal insan yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran yang sesuai.
- 4. Latihan modal insan bagi Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua adalah bertujuan mencapai objektif-objektif berikut:
 - (i) meningkatkan kelayakan, kebolehan, kompetensi dan produktiviti Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua;
 - (ii) mencapai hasil kerja yang berkualiti/bermutu tinggi; dan
 - (iii) mewujudkan nilai cipta (*value-creation*) dan nilai tambah (*value-added*) di kalangan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua.

D. SYARAT-SYARAT MENGHADIRI KURSUS

- 5. Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua hendaklah bersikap bijaksana (*judicious*) dalam memilih sesuatu kursus itu berdasarkan faktor-faktor antara lain seperti yuran, tempoh kursus dan manfaat yang boleh diperolehi daripada kursus tersebut dari segi nilai kewangannya (*value of money*) dan manfaat kepada Kerajaan dan negara.

6. Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua **tidak dibenarkan** mengikuti kursus di bawah peraturan ini semasa Parlimen bermesyuarat.
7. Bagi kursus-kursus di luar negara, hendaklah kursus-kursus yang perlu, memberi manfaat yang tinggi dan tidak dianjurkan oleh institusi latihan dalam negeri.
8. Keutamaan kursus di luar negara adalah bagi kursus-kursus yang ditawarkan oleh institusi-institusi latihan dan universiti-universiti terkemuka seperti Harvard University, Amerika Syarikat, University of Oxford dan University of Cambridge, United Kingdom dan sebagainya.
9. Pelepasan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua untuk mengikuti kursus adalah tertakluk kepada bilangan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang sedang berkursus pada satu-satu masa supaya tidak terlalu ramai Yang di-Pertua dan Timbalan yang di-Pertua mengikuti kursus secara serentak.
10. Bagi kursus yang dibiayai oleh negara-negara asing atau badan-badan antarabangsa, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua hendaklah mendapatkan pandangan Kementerian Luar Negeri sebelum mengemukakan permohonan untuk pertimbangan dan kelulusan Perdana Menteri. Pandangan Kementerian Luar Negeri hendaklah disertakan dalam surat permohonan.
11. Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang telah mengikuti kursus di dalam dan luar negara boleh dipertimbangkan untuk mengikuti kursus selanjutnya di dalam dan luar negara selepas genap setahun tamat mengikuti kursus berkenaan.

E. KUASA MELULUS DAN CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

12. Perdana Menteri adalah diberi kuasa oleh Jemaah Menteri untuk menimbang dan meluluskan permohonan Yang di-Pertua dan Timbalan yang di-Pertua mengikuti kursus berdasarkan kes demi kes (*case by case*).
13. Permohonan untuk mengikuti kursus oleh Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua hendaklah dikemukakan terus kepada Perdana Menteri. Dalam surat permohonan **hendaklah dinyatakan manfaat kursus kepada Kerajaan dan negara.**
14. Permohonan untuk mengikuti kursus oleh Timbalan Yang di-Pertua hendaklah dikemukakan melalui Yang di-Pertua masing-masing yang akan memanjangkan permohonan

tersebut untuk pertimbangan Perdana Menteri dengan sokongan atau sebaliknya.

15. Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua hendaklah memastikan dengan Ketua Pentadbir Parlimen bahawa **Parlimen Malaysia mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk membiayai semua perbelanjaan** yang berkaitan dengan kursus yang akan diikuti termasuk elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan yang akan dituntut oleh Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua semasa mengikuti kursus berkenaan.
16. Semasa mengemukakan permohonan kepada Perdana Menteri, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua hendaklah antara lain menyertakan maklumat mengenai jumlah kos yang terlibat (termasuk bayaran pendaftaran, yuran, tambang, penginapan, makan dan lain perbelanjaan yang akan dituntut oleh Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua semasa mengikuti kursus), jangka masa kursus, manfaat daripada kursus yang diikuti dan pengesahan bahawa kementerian mempunyai peruntukan kewangan untuk membiayai perbelanjaan yang terlibat.
17. Tempoh kursus yang melebihi 3 minggu boleh dipertimbangkan mengikut budi bicara Perdana Menteri berdasarkan kes demi kes (*case by case*).
18. Perdana Menteri boleh menimbang berdasarkan kes demi kes (*case by case*) untuk membenarkan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua melanjutkan tempoh kursus yang dihadapinya selama 1 atau 2 minggu lagi daripada tempoh asal kursus yang telah diluluskan bertujuan untuk mengadakan perbincangan lanjut dengan tenaga-tenaga pengajar atau profesor-profesor tertentu yang ada kaitan dengan latihan, kursus atau seminar yang diikuti. Permohonan lanjutan tempoh kursus hendaklah mengikut peraturan yang telah ditetapkan dalam **perenggan-perenggan 13 hingga 16** di atas.
19. Garis panduan ini tidak menghalang Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua mengemukakan Memorandum untuk memohon pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri untuk tujuan mengikuti kursus atau latihan yang berupa akademik atau praktik, lawatan sambil belajar, seminar, bengkel, kajian atau penyelidikan di dalam atau luar negara.

F. TANGGUNGJAWAB YANG DI-PERTUA DAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA YANG MENGIKUTI KURSUS

20. Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua adalah bertanggungjawab mendapatkan semula kelulusan Perdana Menteri jika terdapat sebarang pindaan ke atas kursus yang telah diluluskan seperti tarikh, tempoh, tempat atau bayaran kursus dan sebagainya. Permohonan mengenai pindaan kursus tersebut perlu mengikut peraturan yang telah ditetapkan dalam **perenggan-perenggan 13 hingga 16** di atas.
21. Setelah kembali bertugas selepas tamat menghadiri kursus di dalam atau luar negara, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua hendaklah membentangkan **laporan kursus** yang diikuti kepada Perdana Menteri dan **salinan sijil/dokumen berkaitan**, jika ada, dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Negara.

G. BAYARAN DAN ELAUN-ELAUN SERTA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DI-PERTUA DAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA SEMASA MENGIKUTI KURSUS

22. Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang diluluskan oleh Perdana Menteri untuk mengikuti kursus di dalam atau luar negara di bawah peraturan ini adalah layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran seperti berikut:

(a) Bayaran Pendaftaran dan Yuran Kursus

Bayaran pendaftaran kursus dan lain-lain bayaran berkaitan kursus seperti yuran pengajian dan termasuk kos yang berkaitan dengan latihan amali yang disediakan oleh pihak penganjur.

(b) Elaun dan Kemudahan Yang Boleh Dituntut

Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua layak menuntut elaun dan kemudahan bagi maksud **perenggan 16** di atas, mengikut kelayakan seperti mana yang dinikmati semasa menjalankan tugas rasmi di dalam atau luar negara sekiranya kemudahan berkenaan tidak disediakan oleh pihak penganjur kursus tersebut.

(c) Kemudahan Membawa Isteri/Suami Semasa Kursus

Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang diluluskan mengikuti kursus di bawah peraturan ini layak diiringi isteri/suami jika tempoh kursus melebihi 7 hari dengan segala perbelanjaan ditanggung oleh Kerajaan mengikut syarat-syarat yang dinyatakan dalam Kertas Statut-Kertas Statut masing-masing.

(d) Tambang Kapal Terbang atau Pengangkutan Awam Semasa Perjalanan Pergi/Balik Mengikuti Kursus

Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua layak dibayar tambang kapal terbang atau pengangkutan awam yang lain mengikut kelayakannya semasa bertugas rasmi bagi perjalanan pergi balik dari kediaman rasmi ke pusat pengajian sekali sahaja semasa berkursus.

23. Semua bayaran di **perenggan 22** di atas hendaklah ditanggung oleh Parlimen Malaysia.

H. REKOD LATIHAN

24. Ketua Pentadbir Parlimen hendaklah menyelenggara rekod Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang diluluskan mengikuti kursus, tempoh kursus dan perbelanjaan sebenar yang terlibat.

I. TARIKH KUAT KUASA

25. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai **1 Mei 2010**.